

B531

MAHATHIR-KONTRAKTOR R'R'R'

1982

KUALA LUMPUR, 15 JUN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR.MAHATHIR MOHAMAD MENGGESA PARA KONTRAKTOR BUMIPUTERA MENENTUKAN SUPAYA KEWIBAWAAN DAN KEBOLEHAN MEREKA TIDAK DIPERSOALKAN OLEH PELANGGAN-PELANGGAN TERMASUK PIHAK SWASTA.

PERDANA MENTERI BERKATA JIKA TAWARAN MEREKA JAUH LEBIH RENDAH DARI ORANG LAIN DAN KEBOLEHAN MEREKA JAUH LEBIH BAIK, PIHAK PELANGGAN SWASTA, SUNGGUHPUN KURANG SIMPATI DENGAN KONTRAKTOR BUMIPUTERA, PASTI MENERIMA TAWARAN BUMIPUTERA BAGI MENYELAMATKAN WANG MEREKA.

BELIAU MENGGESA DEMIKIAN KETIKA BERUCAP MERASMIKAN SEMINAR KONTRAKTOR-KONTRAKTOR BUMIPUTERA SELAMA TIGA HARI MULAI HARI INI DI SEBUAH HOTEL TERKEMUKA DI SINI.

DATUK SERI DR.MAHATHIR MENAMBAH, JIKA PERHUBUNGAN ANTARA KONTRAKTOR BUMIPUTERA MEMBERI KEUNTUNGAN KEPADA PELANGGANNYA, BELIAU YAKIN MEREKA AKAN DITERIMA SEBAGAI KONTRAKTOR YANG BERKESAN DAN BOLEH MEMBERI KEUNTUNGAN.

OLEH ITU PARA KONTRAKTOR BUMIPUTERA PATUTLAH MENGAJAI SEMULA KEBOLEHAN MEREKA JIKA MEREKA INGIN BERJAYA DAN DIPERCAYAI OLEH PELANGGAN-PELANGGAN BUKAN SAHAJA DARI PIHAK KERAJAAN.  
--BERSAMBUNG 1244/AN

MAHATHIR-KONTRAKTOR 2 KUALA LUMPUR

BELIAU PERCAYA SEBILANGAN KECIL KONTRAKTOR BUMIPUTERA MEMPUYAI KEBOLEHAN SEPERTI TERBUKTI DI PANTAI TIMUR DI MANA TERDAPAT 12 ORANG KONTRAKTOR BERJAYA MENYIAPKAN KONTRAK JABATAN KERJAYA ENAM BULAN LEBIH AWAL DARI JADUAL.

INI, KATANYA MENUNJUKKAN KONTRAKTOR BUMIPUTERA BERKEBOLEHAN TETAPI MUNGKIN MEREKA KURANG CEKAP DARI SEGI PENDEKATANNYA ATAU TERLALU BERGANTUNG KEPADA KERAJAAN SEBAGAI SUMBER MENDAPATKAN KONTRAK.

+SIKAP TERLALU BERGANTUNG KEPADA KERAJAAN INI ADALAH KURANG SIHAT+, TEGAS DATUK SERI DR.MAHATHIR.

MEREKA PERLULAH MENGHADAPI CABARANG-CABARAN SEPERTI SIKAP KURANG SIMPATI ATAU DISKRIMINASI GOLONGAN SWASTA DAN HENDAKLAH MEMIKIRKAN CARA-CARA MENGATASINYA DAN BUKAN HANYA MENGELUH DAN MENYIMPAN DENDAM KEPADA ORANG YANG KURANG SIMPATI ITU, TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA, KONTRAKTOR-KONTRAKTOR BUMIPUTERA BOLEH DIANGGAP BERJAYA APABILA MEREKA SAMPAI KE SATU TAHAP DI MANA MEREKA BOLEH MEMBINA BANGUNAN-BANGUNAN BUKAN SAHAJA KEPUNYAAN KERAJAAN TETAPI JUGA TAWARAN MEREKA DITERIMA OLEH SWASTA KERANA LEBIH MURAH DAN CEKAP.

--BERSAMBUNG 1250/AN

B533

MAHATHIR-KONTRAKTOR 3 KUALA LUMPUR

BELIAU JUGA MENYARANKAN SUPAYA KONTRAKTOR-KONTRAKTOR BUMIPUTERA YANG BERJAYA MENGAMBIL AHLI-AHLI PROFESIONAL DARI BUKAN BUMIPUTERA UNTUK BEKERJA DENGAN MEREKA BAGI MENARIK PELANGGAN-PELANGGAN SWASTA.

KATANYA FORMULA HIASAN INI BERKESAN DILAKUKAN OLEH KONTRAKTOR-KONTRAKTOR BUKAN BUMIPUTERA YANG MENGAMBIL PROFESIONAL BUMIPUTERA UNTUK +MENGHIAS+ SYARIKAT MEREKA.

+KITA SUDAH SAMPAI KEPADA TAHAP SYARIKAT-SYARIKAT DIPANGGIL +BABA-ALI+ - BUMIPUTERA MENGAMBIL BUKAN BUMIPUTERA UNTUK MENUNJUKKAN TIDAK ADA DISKRIMINASI,+ KATA DATUK SERI DR.MAHATHIR.

KATANYA DALAM DUNIA PERNIAGAAN LANGKAH ITU ADALAH MERUPAKAN CARA +IKLAN+ YANG PALING BERKESAN KERANA JIKA BUKAN BUMIPUTERA BOLEH MENGGUNAKAN BUMIPUTERA SEBAGAI +HIASAN+ MENGAPA BUMIPUTERA TIDAK SEBALIKNYA.

+YANG PENTING BUKANLAH KERANA ADA ORANG LAIN DALAM SYARIKAT TETAPI KEJAYAANNYA+, TEGAS BELIAU, KATANYA USAHA ITU JUGA MERUPAKAN SATU CABARAN YANG PATUT DIFIKIRKAN.

--BERSAMBUNG 1253/AN

B534

MAHATHIR-KONTRAKTOR 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR.MAHATHIR BERKATA, SEGALA USAHA UNTUK MENGATASI KELEMAHAN KONTRAKTOR BUMIPUTERA PERLU DIAMBIL JIKA TIDAK MEREKA AKAN HANYA MERUPAKAN SATU TAMBAHAN KEPADA JABATAN KERJAJAYA SAHAJA. MENGENAI PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK SIAPGUNA PERDANA MENTERI BERKAT

A

TIDAK SEMUA PROJEK BESAR-BESAR DILAKSANAKAN CARA TERSEBUT.

KATANYA BEBEBERAPA PROJEK BESAR AKAN DIBERI KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT ANTARABANGSA YANG MEMPUNYAI KEUPAYAAN MENYELESAIKAN PROJEK-PROJEK YANG KOMPLEKS.

DALAM KONTRAK-KONTRAKNYA PULA IA HENDAKLAH MEMPUNYAI PECAHAN-PECAHAN KECIL YANG BOLEH DISERTAI OLEH KONTRAKTOR-KONTRAKTOR KECIL TERMASUK BUMIPUTERA.

DI SAMPING ITU SYARIKAT ANTARABANGSA ITU HENDAKLAH 30 PERATUS DIANGGOTAI OLEH BUMIPUTERA, TETAPI TANGGUNGJAWAB DIPIKUL OLEH SYARIKAT INDUK.

KATANYA ASAS INI DITUTAMAKAN DIMASA AKAN DATANG BAGI MEMBOLEHKAN BUMIPUTERA MEMPELAJARI CARA-CARA PENGURUSAN PROJEK.

--BERNAMA 1258/AN